

MENGURUS WACANA DAN KEPIMPINAN: ANALISIS UCAPAN SULUNG PERDANA MENTERI MALAYSIA KEENAM

Idris Aman

idrisa@ukm.my

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Makalah ini meneliti bagaimana Najib bangkit dan bertindak bagi keperluan politiknya melalui wacana sulungnya selepas dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia pada 3 April 2009. Analisis menjurus kepada cara serta sebab bahasa diuruskan dalam wacana sulungnya dan dalam masa yang sama menjelaskan cara bahasa berfungsi dalam proses memimpin, atau dalam istilah Najib, “menakhoda” negara serta memperkuuh kedudukan. Sebagai satu analisis wacana, struktur generik, daya ujaran, penyebaran dan penggunaan; dan pengenalpastian fitur teks wacana, seperti penglekisikan, nahu, dan jenis tema. Disimpulkan bahawa selaku pemimpin yang baharu dilantik, pewacanaan kepimpinannya itu adalah sengaja, kena masa, tulen, dan siap sedia dalam menakhoda negara dan dengan sebab itulah ucapan sulungnya dihasilkan dan diuruskan dengan baik.

Kata kunci: bahasa, analisis wacana, kepimpinan, kewacanaan, tekstual, kehidupan sosial

Abstract

This article analyses how Najib fulfilled his political needs in the speeches he made upon taking office as the Prime Minister of Malaysia on 3rd April 2009. The analysis emphasises how and why Najib managed his language during the early part of his tenure as

the Prime Minister and, at the same time, how language functions in the process of leadership. As an analysis of discourse, focus is placed on discursive properties such as interpretation, production, generic structure, force of utterance distribution and usage; and textual features such as grammar, lexicalisation and theme. The article concludes that Najib's speeches as newly appointed leader were purposeful, well-timed, genuine and prepared with a view to helm the nation and that is the reason why they were well produced and well managed.

Keywords: language, discourse analysis, leadership, discursive, textual, social life

PENDAHULUAN

Bahasa bersifat fungsional dan penting dalam sebarang proses kehidupan sosial manusia. Thompson (1991:1) menegaskan bahawa “*language is an integral part of social life, with all its ruses and iniquities, and that a good part of our social life consists of the routine exchange of linguistic expressions in the day-to-day flow of social interaction.*” Bahasa juga berkaitan dengan cara mempersembahkan aspek dunia – proses, hubungan dan struktur dunia kebendaan, dunia mental (fikiran), perasaan, kepercayaan, dan seumpamanya, serta dunia sosial (Halliday, 1994). Fairclough (2003:2) misalnya mengatakan “*language is an irreducible part of social life, dialectically interconnected with other elements of social life.*” Oleh itu, menurut Fairclough & Wodak (1997), peranan bahasa sebenarnya menjadi lebih ketara, penting serta relevan dalam kehidupan sosial manusia kini. Bagi Sarangi dan Coulthard (2000:xxv) pula dengan menggunakan istilah “wacana” (*discourse*) mengatakan, “*discourse forces one to look closely at social life, so one discovers patterns and nuances in social activities.*” Yang dimaksudkan kehidupan sosial adalah berkaitan dengan apa-apa yang manusia lakukan dan alami sehari-hari. Oleh itu, kehidupan sosial adalah tentang dunia nyata yang berkait rapat dengan proses ekonomi, politik, sosiobudaya, ideologi, agama, dan sebagainya.

Dalam kehidupan sosialnya, manusia bangkit dan bertindak bagi kepentingan dan matlamat ekonomi, politik, sosiobudaya, agama, dan ideologinya itu. Misalnya, bagi kepentingan politik, manusia bernegara, berparti, berorganisasi, menubuhkan kumpulan, dan seumpamanya, lantas ada proses sosial yang dinamakan “kepimpinan”. Bagi keperluan dan

matlamat ekonomi antara lain, manusia berdagang, melabur, berniaga, bekerja, mengusahakan sesuatu barang atau perkhidmatan. Bagi kehidupan sosiobudaya pula, manusia mengasuh dan mensosiosiobudayakan anggotanya dengan prinsip dan amalan tertentu yang dipuji dan dituntut dalam masyarakat manusia, serta mendidik generasi mudanya, sama ada secara formal atau tidak formal. Bagi tuntutan agama, manusia bersyariah, beramal, beribadat, bermuamalah, berdakwah, dan sebagainya. Bagi matlamat ideologi, manusia mengindoktrinasikan dan mempengaruhi manusia lain di sekitarnya.

Pada hakikatnya dan secara tidak terelakkan, perihal manusia bangkit dan bertindak dalam kehidupan sosial sedemikian melibatkan sudut politik, ekonomi, sosiobudaya, agama, atau ideologi serta diwarnai peristiwa sosial tertentu, sama ada pada peringkat dunia atau tempatan, seperti fenomena globalisasi, transformasi, liberalisasi, dan pergolakan. Dengan proses atau praktis tertentu, sebahagiannya diupayakan dan dijayakan oleh linguistik atau bahasa. Secara mudah, untuk sebarang tindakan ekonomi, politik, sosiobudaya, agama, ideologi, dan lain-lain, bahasa hadir, berfungsi dan difungsikan. Walau bagaimanapun, bahasa yang dimaksudkan dalam perbincangan ini ialah bahasa penggunaan sebenar, dan bukannya bahasa dalam maksud sempit dan mujarad sebagaimana tafsiran sesetengah ahli linguistik mentalis dan formalis. Sesetengah ahli linguistik menamakan parole dan lakuan (*performance*), dan dalam makalah ini dinamakan wacana (*discourse*).

Oleh yang demikian, wacana dalam makalah ini dilihat sebagai peristiwa bahasa yang tersirat atau implisit maksud sosial dan bukan semata-mata aktiviti berbahasa. Dengan kata lain, wacana merupakan paduan aktiviti berbahasa dan sosial. Wacana juga berkaitan dengan cara manusia bangkit, bertindak, dan mempersemprehankan aspek dunia – proses, hubungan dan struktur dunia kebendaan, “dunia mental” fikiran, perasaan, kepercayaan, dan seumpamanya, serta dunia sosial. Selanjutnya, wacana diyakini mempunyai pertalian dialektik dengan struktur sosial, iaitu masing-masing saling dikekang dan mengekang struktur sosial (Fairclough, 2003).

Sungguhpun bahasa diiktiraf fungsional dan penting, input bahasa masih kurang dimanfaatkan, malah kerap dipinggirkan dalam usaha pemahaman perkara lain di luar bahasa, terutama tentang kehidupan sosial, sedangkan bahasa beroperasi secara fungsional untuk tujuan ideasional dan interpersonal. Dalam disiplin linguistik sendiri, analisis dan pengajian bahasa lebih dikerjakan dalam dimensi “dunia bahasa” berbanding

dengan dimensi “dunia nyata” (Idris, 2009). Fairclough (1992), misalnya, mendapati fenomena ini kesan daripada tiadanya kerangka yang berkesan bagi menangani keperluan analisis proses sosial berlandaskan input linguistik atau wacana.

Dalam konteks kepimpinan sebuah negara bangsa umpamanya, mahu tidak mahu dan tidak terelakkan, bahasa memainkan peranan yang sangat menonjol dan penting. Mengikut Fairclough (2000:vii), peranan bahasa sangat getir dalam dunia politik dan *“managerial government is partly managing language, and this also includes managing the language of the leader, ...”*. Dengan perkataan lain, pemimpin negara tidak dapat tidak, perlu memanfaatkan bahasa atau “berwacana” secara efektif, atau dalam makalah ini dinamakan “mengurus wacana”, untuk berkomunikasi dengan rakyat yang dipimpin supaya ideologi dan mesej kepimpinannya sampai dan difahami.

Perkara ini sejajar dengan pandangan Lerman (1985) yang mengatakan bahawa perutusan pemimpin negara merupakan salah satu bentuk komunikasi massa yang paling signifikan, dan merupakan satu-satunya komunikasi “langsung” antara simbol kuasa politik dan autoriti dengan rakyat. Menurut Casimir (2011), fungsi utama kepimpinan adalah mempengaruhi orang lain supaya mereka ghairah menerima dan bertanggungjawab terhadap usul radikal pemimpin. Malah, pemimpin boleh mencipta pertalian emosi dengan orang lain dan membuat mereka percaya dengan visinya. Lazimnya, pemimpin bergantung pada pengaruh taktik, seperti perayuan inspirasi, perayuan peribadi, dan pemujukan rasional. Berkaitan dengan itu juga, penyampaian idea dan mesej kepimpinan adalah getir bagi kelangsungan dan kebolehterimaan pemimpin dalam kalangan rakyat, lebih-lebih lagi jika pemimpin itu pemimpin baharu.

Peka dan sedar akan kepentingan fungsi bahasa (wacana) dalam memimpin negara, Perdana Menteri baharu Malaysia YAB Dato’ Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak mengambil dan memanfaatkan peluang serta daya usaha menguruskan dan menyampaikan ucapan sulungnya selaku Perdana Menteri ke seluruh negara melalui televisyen dan radio selepas upacara angkat sumpah memegang jawatan pada 3 April 2009. Ucapan sulungnya itu atau dalam perbincangan ini dinamakan “wacana” bukan sahaja disampaikan dalam bahasa kebangsaan (bahasa Melayu), malah dalam bahasa antarabangsa juga, iaitu bahasa Inggeris. Ini menambah nilai bukti akan potensi unggul bahasa dalam proses kepimpinan disedari, diiktiraf,

dan dimanfaatkan sebaiknya-baiknya oleh beliau.

Makalah ini menganalisis ucapan atau wacana sulung Perdana Menteri Keenam Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak dalam konteks pengurusan wacana dan kepimpinan. Untuk itu, makalah ini mempunyai dua tujuan yang berkaitan. Tujuan pertama ialah menghuraikan dan mentafsir secara serentak apa dan bagaimana bahasa/wacana diuruskan serta berfungsi dalam ucapan sulung pemimpin baharu itu. Bertalian dengan tujuan pertama, tujuan kedua ialah mentafsir dan menjelaskan mengapa wacana tersebut dihasilkan sedemikian. Dengan fokus analisis tersebut, diharapkan daripada penghuraian, pentafsiran, dan penjelasan tentang wacana sulungnya itu, orientasi dan sifat kepimpinan Najib turut dapat dicungkil dan didedahkan. Dalam konteks ini, proses kepimpinan dilihat sebagai satu proses sosial yang turut merujuk secara dialektikal kepada proses “menakhoda” wacana dan negara bangsa.¹

Penelitian ini merupakan analisis wacana kritis (*critical discourse analysis*). Kerangka analisis wacana kritis menanggap bahawa wacana mempunyai impak sosial (Fairclough, 2003), misalnya, wacana mampu mengubah keadaan. Dalam konteks analisis ini, wacana Perdana Menteri yang merupakan antara wacana utama negara dan dikira mempunyai impak kepada dasar negara, misalnya, boleh menyebabkan perubahan dasar ekonomi, politik, dan sosial negara. Wacana pertama Najib selaku Perdana Menteri adalah penting, diberikan perhatian, dan diikuti dengan penuh minat oleh segenap lapisan masyarakat Malaysia dan antarabangsa juga. Ucapan pertama beliau selaku pemimpin yang terlatih dan “disediakan” merupakan penanda aras yang penting dalam era kepimpinannya. Ucapan pertamanya juga relevan dan dinanti-nantikan kerana kepimpinan Perdana Menteri sebelumnya dikatakan kurang berkesan, terutamanya selepas Pilihan Raya Umum 2008.

KAEDAH ANALISIS

Tiada pemahaman sebenar tentang dimensi impak sosial wacana melainkan dengan melihat secara mendalam apa yang berlaku apabila manusia menulis atau bercakap (Fairclough, 2003). Untuk itu dan bagi mencapai tujuan yang dinyatakan di atas, proses analisis ini melibatkan pemerhatian terhadap dua dimensi lain, iaitu ciri textual dan sifat kewacanaan ucapan Najib tersebut. Analisis textual menjurus kepada penghuraian ciri kenahuan dan pengleksikalan. Analisis kewacanaan

pula mentafsir sifat penghasilan, penyebaran, penggunaan, daya ujaran, dan struktur generik wacana tersebut. Pemerhatian, penghuraian, dan pentafsiran daripada tiga dimensi sebegini wajar kerana ciri formal bahasa dalam wacana, seperti pilihan dan susunan kata, urutan dan susunan ayat (Crystal, 2003; Fairclough, 1995) dan sifat kewacanaannya (Faircough, 1995) merupakan medium bagi pemikiran diolah, disusun, dan dilahirkan. Daripada pemahaman ciri tekstual dan sifat kewacanaan itu, barulah dirumuskan orientasi dan arah haluan kepimpinan Najib.

Analisis dimulakan dengan mengenal pasti dan melabelkan struktur generik teks ucapan tersebut. Struktur generiknya berasaskan panduan Fairclough (2003). Menurut Fairclough (2003:72) “*the privileging of purpose goes along with a view of genre analysis as primarily concerned with “staging”, differentiating genres in terms of their generic structure... We need to look for staging in analysing texts and interactions, but not expect to always find that they are organized in terms of a clear generic structure.*” Antara analisis yang boleh mengesan struktur generik beliau adalah melalui pengesanan unsur tertentu dalam teks dan pelabelannya. Analisis struktur generik pernah dilakukan oleh Labov dan Waletzky (dalam Johnstone, 2002), Hoey (2001), van Dijk (1991), dan lain-lain. Analisis struktur generik merupakan analisis tahap interpretasi penghasilan dan sifat wacana.

Kemudian dicerakinkan pula setiap ayat dan klausa berasaskan nahu fungsional dengan mengenal pasti unsur penerang, proses, dan pemeran (Halliday, 1994; Thompson, 2004). Daripada teknik cerakinan itu juga, aspek pengleksikal dapat dianalisis. Segmen teks, iaitu bahagian, perenggan, ayat, dan klausa diberikan nombor rujukan. Misalnya, nombor rujukan B4.3a secara turutan bermaksud bahagian B, perenggan 4, ayat 3, dan klausa pertama. Cerakinan ini dapat dilihat dalam Lampiran 2.

UCAPAN SULUNG NAJIB: MENGURUS WACANA DAN KEPIMPINAN

Dato’ Seri Najib menjadi Perdana Menteri Keenam Malaysia setelah diberikan laluan oleh Dato’ Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Kelima. Tindakan Abdullah itu berlaku berikutan tekanan banyak pihak daripada parti UMNO (parti tunjang dalam kerajaan Barisan Nasional) yang tidak berpuas hati dengan kualiti dan dasar kepimpinan Abdullah, terutama setelah Pilihan Raya Umum Ke-12 pada 2008. Tindakan itu juga merupakan pelan peralihan kuasa pucuk kepimpinan

MENGURUS WACANA DAN KEPIMPINAN

UMNO. Walau bagaimanapun, secara deduktif, dapat disimpulkan bahawa Najib sudah bersedia menerima tanggungjawab sebagai Presiden UMNO dan selanjutnya sebagai Perdana Menteri baharu. Kesediaan beliau itu diterjemahkan dengan sengaja menguruskan wacana sulungnya serta idea kepimpinannya. Kesediaan dan kesengajaan itu bersandarkan pengalaman panjang beliau dalam kepimpinan politik dan negara.

Dari segi sejarah, penyertaan Najib dalam politik bermula pada usia agak muda, iaitu 23 tahun apabila beliau memenangi pilihan raya kecil parlimen Pekan tanpa bertanding menggantikan bapanya, Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia Kedua yang meninggal dunia pada 1976. Sejak itu, bintang politiknya bersinar dan meningkat dari satu tahap ke tahap yang lebih tinggi. Perkhidmatan kerajaan lulusan Sarjana Muda Ekonomi Industri Universiti Nottingham ini bermula dengan pelantikannya sebagai Timbalan Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Pos pada 1976. Pada Pilihan Raya Umum 1982 pula, beliau memenangi kerusi dewan undangan negeri Bandar Pekan, Pahang dan kemudiannya dilantik sebagai Menteri Besar Pahang sehingga 1986. Pada Pilihan Raya Umum 1986, beliau kembali bertanding dan memenangi kerusi parlimen Pekan, Pahang dan dilantik sebagai Menteri Kebudayaan, Belia, dan Sukan. Setelah pilihan raya pada tahun 1990, beliau dilantik memegang jawatan Menteri Pertahanan, merupakan jawatan menteri kanan. Kemudian pada 1995 pula, beliau dilantik menjawat satu lagi jawatan menteri kanan, iaitu Menteri Pelajaran. Pada Pilihan Raya Umum 1999, beliau menerima tamparan hebat dan kejutan besar apabila memenangi kerusi parlimen Pekan dengan majoriti hanya 241 undi kerana dalam pilihan raya terdahulu lazimnya majoriti undi beliau melebihi 10 000. Walau bagaimanapun, selepas pilihan raya itu, beliau sekali lagi diamanahkan sebagai Menteri Pertahanan. Pada Pilihan Raya Umum 2004, beliau dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, dan beliau kembali memenangi kerusi parlimen Pekan, kali ini dengan majoriti 22 922 undi. Pada Pilihan Raya Umum 2008, beliau mempertahankan kerusi parlimen tersebut dengan majoriti terbesar, iaitu 26 464 walaupun secara umumnya pencapaian Barisan Nasional merosot. Pada Mac 2009, beliau memenangi jawatan Presiden UMNO apabila Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak bertanding dalam pelan peralihan kuasa parti tersebut. Apabila mula menjadi Perdana Menteri pada 3 April 2009, Najib juga menjawat Menteri Kewangan (www.pmo.gov.my/?menu-page&page=1926). Dalam parti UMNO pula beliau berpengalaman sebagai Ahli Majlis Tertinggi, Ketua Pemuda UMNO, Naib Presiden, dan Timbalan Presiden.

Pengalaman kepimpinan yang panjang serta dalam pelbagai jawatan, sama ada dalam parti UMNO mahupun pentadbiran pada peringkat pusat atau negeri, merupakan bekalan, kekuatan, kematangan, dan keberdayaan dunia kepimpinan beliau. Faktor itulah yang memberikan keyakinan kepada rakyat, serta tentunya kepada beliau sendiri, dalam menakhoda Malaysia pula selaku Perdana Menteri Malaysia Keenam. Dengan kesedaran itu, wacana sulungnya sebagai Perdana Menteri turut dihasilkan dengan terancang, berkesan, dan padan. Keterancangan, keberkesanan, dan kepadanan itu diperlihatkan daripada penggembungan sifat kewacanaan dan ciri teksnya.

Dari dimensi sifat kewacanaan, ucapan itu dibentuk secara utama berasaskan struktur “matlamat-pencapaian” serta sarat dengan daya ujaran konstatif makluman. Dari segi tekstual pula, wacana tersebut digembung dari dua aspek tekstual utama, iaitu pengleksikalan dan nahuan. Dari sudut leksikal, wacana itu mempunyai slogan yang inovatif, kreatif, dan mantap, menggembung kata ganti diri peribadi “saya” dan inklusif “kita” yang mengesankan, dan himpunan kata kunci yang tepat tentang kepimpinan. Dari sudut nahuan, wacana itu banyak menggunakan ayat secara Tema bertanda yang mampu mencorakkan mesej kepimpinan, dan mengutamakan kata proses jenis lakuan dan mental. Sifat kewacanaan dan ciri teks itu ditunjukkan dalam Jadual 1.

Yang berikut diuraikan dan dijelaskan cara wacana sulung itu diuruskan, serentak dengan pengurusan kepimpinannya daripada analisis dua dimensi, iaitu sifat kewacanaan dan ciri teksnya.

Jadual 1 Analisis wacana sulung Najib.

Najib Mengurus Wacana dan Kepimpinan dalam Ucapan Sulung	
Sifat Kewacanaan	Ciri Teks
1. PM Najib <i>principal</i> . 2. Dalam bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris. 3. Struktur generik “matlamat-pencapaian”. 4. Sarat dengan daya ujaran “konstatif” makluman.	1. Pengleksikalan: a. Slogan “1Malaysia: rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan”. b. Kata ganti diri peribadian “saya” dan inklusif “kita”. c. Kata kunci berkaitan dengan idea kepimpinan “rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan”. 2. Nahuan: a. Mengutamakan ayat bertema bertanda. b. Mengutamakan proses “lakuan” dan “mental”.

DIMENSI KEWACANAAN

Dimensi kewacanaan mengupas sifat wacana meliputi pentafsiran cara penghasilan, penyebaran, struktur generik, dan daya ujaran yang digembeleng dalam wacana tersebut. Yang berikut dibincangkan sifat kewacanaan Najib.

Penghasilan dan Penyebaran

Bagi analisis ini, teks wacana sulung Najib itu diperoleh daripada blognya – www.1malaysia.com.my (dikutip pada November 11, 2009). Teks yang dikaji ialah teks bahasa Melayunya. Teks wacana tersebut dibina daripada 16 perenggan dengan 29 ayat. (Ucapan tersebut dimuatkan dalam Lampiran 1).

Wacana pertama Najib selaku Perdana Menteri Malaysia disiarkan ke seluruh pelosok negara melalui saluran televisyen dan radio pada waktu perdana 8.30 malam hari angkat sumpah jawatan 3 April 2009. Wacana tersebut dalam versi bahasa kebangsaan (bahasa Melayu) dan versi bahasa Inggeris. Najib menyampaikan ucapan dalam bahasa kebangsaan, kemudian diikuti dalam bahasa Inggeris. (Teks asal dalam bahasa Inggeris turut dimuatkan dalam Lampiran 2 mengikut padanan maksud ayat). Wacana ini turut mendapat liputan media massa elektronik dan menjadi bahan berita penting. Keesokan harinya, akhbar nasional menyiarkan ucapan tersebut di samping berita tentangnya. Berlaku transformasi wacana apabila ucapan itu turut diulas oleh media.

Dari segi penghasilannya, ditafsirkan bahawa Najib ialah *principal* bagi wacana itu. Maksudnya, beliau mempunyai tanggungjawab penuh terhadap apa-apa yang diwacanakan. Yang menariknya, wacana sulungnya itu disampaikan dalam dua bahasa seperti dinyatakan di atas. Najib mungkin mempunyai alasan tersendiri mengapa beliau turut menyediakan dan menyampaikan wacana sulungnya itu dalam bahasa Inggeris. Dalam hal ini, pada hemat pengkaji, Najib berbuat demikian kerana beliau berfikir dalam kerangka memanfaatkan fungsi asas bahasa, iaitu sebagai medium komunikasi dan menyampaikan maklumat. Berkenaan dengan penggunaan wacana dalam bahasa Inggeris, mungkin beliau mensasarkan pemastautin luar yang menetap di negara ini, seperti pedagang asing, peniaga, dan juga rakyat tempatan yang kurang memahami bahasa kebangsaan (walaupun negara sudah merdeka 50 tahun). Dengan kata lain, Najib ingin melebarkan skop audiensnya. Tetapi agak pelik, kandungan wacana itu adalah untuk rakyat negara ini, bukan kepada orang asing.

Struktur Generik

Yang dikatakan struktur generik ialah struktur atau organisasi keseluruhan teks. Bentuk struktur generik boleh membayangkan “hala-tuju” (*purpose-driven*) wacana (Fairclough, 2003). Struktur teks juga boleh memberikan banyak pemahaman tentang sistem pengetahuan (pemikiran), kepercayaan atau nilai, serta andaian tentang hubungan dan identiti sosial yang terbina dalam wacana (Fairclough, 1992).

Genre teras wacana sulung Najib itu kepada rakyat ialah ucapan. Secara konvensyen luaran, genre “ucapan” mempunyai struktur komponen pembukaan, badan, dan penutup (www.speechtips.com/structure-of-a-speech.html). Walau bagaimanapun daripada analisis mendalam didapati bahawa struktur generik ucapan Najib distrukturkan atau diorganisasikan daripada enam subbahagian utama secara turutan, iaitu PENGHARGAAN, RETROSPEKSI, MATLAMAT, TINDAKAN, ILTIZAM, dan AJAKAN (lihat Jadual 2). Ini juga bermakna, terdapat enam perkara utama menjadi inti pati wacana pertamanya itu, sekali gus membayangkan nilai dan pemikiran kepimpinan² yang ingin dibawanya. Penghargaan terbina daripada perenggan (P)1-P3, diikuti bahagian retrospeksi P4-P5, matlamat P6-P11, tindakan P12-P13, iltizam P14, dan ajakan P15-P16 (lihat Jadual 2 dan Lampiran 1).

Jadual 2 Struktur generik wacana sulung Najib.

Struktur Generik	Perenggan	Isi
A PENGHARGAAN	1	Menghargai PM sebelumnya
	2	Menghargai YDP Agong
	3	Menerima amanah
B RETROSPEKSI	4	Retrospeksi bapa
	5	Retrospeksi diri
C MATLAMAT	6	Akan bertukar pendapat
	7	Iktibar masa lalu
	8	Mengutamakan prestasi dan rakyat
	9	Tiada peminggiran
	10	Membangunkan potensi orang muda
	11	Ikrar kerja kuat
D	12	Mengkaji ISA

MENGURUS WACANA DAN KEPIMPINAN

Sambungan Jadual 2

Struktur Generik	Perenggan	Isi
TINDAKAN	13	Mengukuhkan keyakinan rakyat dalam hal keselamatan negara
E ILTIZAM	14	Komitded menghadapi krisis ekonomi dunia
F AJAKAN	15	Melakukan transformasi
	16	Berdoa dan mengajak rakyat bersamanya

Dalam Bahagian A, PENGHARGAAN dimuatkan dengan penghargaan beliau kepada Perdana Menteri sebelumnya, junjungan kasih kepada Yang di-Pertuan Agong, dan perakuan penerimaan amanah. Bahagian B RETROSPEKSI mengandungi retrospeksi terhadap bapa beliau yang juga Perdana Menteri Malaysia Kedua dan retrospeksi kepimpinan lampau beliau sendiri. Dalam Bahagian C MATLAMAT digariskan matlamat kepimpinan beliau. Enam matlamat kepimpinan beliau adalah:

1. akan bertukar pendapat;
2. mengambil iktibar masa lampau;
3. mengutamakan prestasi dan rakyat;
4. tiada pemunggiran;
5. membangunkan potensi orang muda;
6. dan berikrar kerja kuat.

Dalam Bahagian D, TINDAKAN diwacanakan tentang pengkajian semula Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), yang banyak menerima komen daripada rakyat dari segi pelaksanaannya, dan mengukuhkan keyakinan rakyat dalam soal keselamatan negara. Selanjutnya, pada Bahagian E ILTIZAM dinyatakan komitmennya menghadapi krisis ekonomi dunia. Akhirnya, pada Bahagian F AJAKAN, beliau mengajak rakyat bersama-sama melakukan transformasi dan berdoa agar memperoleh hikmah dalam kepimpinannya serta mengajak rakyat bersama-samanya.

Berasaskan struktur generik sedemikian, dapat dirumuskan bahawa hala tuju atau pemikiran utama yang tersirat dalam wacana Najib itu ialah “matlamat-pencapaian” (lihat Hoey, 1983). Ini kerana yang menjadi keutamaan kepimpinan beliau adalah mencapai matlamat yang

digariskannya. Pengutamaan matlamat terserlah dalam Bahagian C wacananya yang terbina daripada lebih banyak perenggan. Hal ini juga sejajar dengan slogannya “rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan” (lihat F15.1 Lampiran 2; Idris, 2010).

Sejajar dengan kerangka pemikiran itu, dapat juga diinterpretasikan bahawa genre ucapan Najib itu masih terikat dengan ciri konvensional. Dikatakan konvensional kerana struktur generiknya masih mengandungi unsur-unsur yang lazim, seperti penghargaan dan retrospeksi. Adanya unsur penghargaan boleh dikaitkan dengan faktor budaya masyarakat Melayu yang mendidik anggotanya menghargai apa yang telah dilakukan oleh orang lain. Unsur retrospeksi yang dibina itu pula boleh dilihat sebagai usaha menyokong dan memperkuuh pembinaan kualiti dan idea kepimpinannya.

Ciri konvensional dalam pembikinan wacana itu erat kaitannya dengan faktor kerajaan yang dipimpin oleh Najib. Kerajaan yang dipimpinnya merupakan kesinambungan kerajaan parti politik yang sama, iaitu Barisan Nasional yang ditunjangi UMNO. Beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri berikutan prestasi buruk pemimpin sebelumnya dalam Pilihan Raya Umum 2008. Ini terbukti misalnya, pemikiran global wacana Manifesto Pilihan Raya Umum Barisan Nasional 2004 sewaktu era Abdullah Ahmad Badawi (pemimpin yang digantikan Najib) juga “matlamat-pencapaian” (Idris, 2009). Oleh yang demikian, pemikiran global “matlamat-pencapaian” nampaknya kekal menjadi teras kepimpinan Najib juga.

Secara kontras, kerangka global pemikiran wacana itu bukannya “permasalahan-penyelesaian” (*problem-solution*) (Hoey, 2001). Kerangka “masalah-penyelesaian” menekankan pengenalpastian masalah yang wujud, kemudian menanganinya. Mengikut Hoey (1994), wacana berkerangka “masalah-penyelesaian” distrukturkan daripada situasi, masalah, tindak balas, dan penilaian. Kerangka ini sering diamalkan dalam strategi menangani kehidupan sosial harian manusia, sama ada dari segi ekonomi, sosial, atau politik. Kerangka pemikiran berteraskan “masalah-penyelesaian” adalah lebih inovatif, kreatif, kritis, dan refleksif serta berupaya melihat sesuatu dengan cara lain. Dalam teks Najib, walaupun terdapat satu isi yang boleh dikaitkan dengan “masalah”, iaitu soal “krisis ekonomi dunia” (perenggan 14), tetapi tidak pula dijadikan perkara pokok atau persoalan utama dalam wacananya.

Mungkin menjadi kelaziman bagi pemimpin kerajaan daripada parti yang sama yang memperoleh mandat baharu masih melihat diri mereka

sebagai kesinambungan kerajaan terdahulu dan tidak melihat, tidak nampak, tidak mahu atau tidak menjadikan “masalah” sebagai kerangka pemikiran utama dalam kepimpinan. Mereka (khususnya pemimpin tertinggi baharu) terlalu memfokuskan matlamat kepimpinannya sendiri dan berkecenderungan menganggap telah memahami semua masalah yang wujud, atau mungkin tidak mahu kerajaannya dilihat bermasalah. Lantaran itulah, “masalah” bukan fokus mereka. Barangkali ada yang berhujah bahawa komponen matlamat, tindakan, dan iltizam dalam wacana tersebut ialah manifestasi responsif Najib kepada permasalahan yang wujud. Itu barangkali benar, tetapi soalnya ialah perkara tersebut tidak diwacanakan sebagai permasalahan yang perlu ditangani. Secara bandingan, yang sering memanfaatkan kerangka global pemikiran “masalah–penyelesaian” ialah parti pembangkang³ atau kerajaan yang dibentuk oleh parti politik yang baharu.

Daya Ujaran

Yang dinamakan daya ujaran (*force of utterance*), juga dikenali sebagai lakuun tutur atau (*speech acts*), ialah lakuun komunikasi. Lakuun komunikasi ialah peluahan sesuatu sikap. Oleh itu, jenis daya ujaran yang digunakan sejajar dengan jenis sikap yang diluahkan. Misalnya, pernyataan ialah luahan kepercayaan, permintaan ialah luahan keinginan, dan kemaafan ialah luahan kekesalan. Sesuatu daya ujaran yang diluahkan akan berjaya jika audiens memahami niat atau sikap penutur.

Terdapat beratus-ratus jenis daya ujaran. Searle (1981) mengkategorikannya kepada lima yang utama, iaitu komisif, pengisyhtaran (*declarative*), arahan (*directive*), peluahan (*expressive*), dan representatif (*representative*). Bach dan Harnish (1979) pula menyenaraikan empat kategori utama daya ujaran, iaitu konstatif (*constative*), arahan (*directive*), komisif (*commisive*), dan penghargaan (*acknowledgement*).⁴ Masing-masing kategori merupakan pecahan atau subkategorinya. Misalnya, konstatif boleh berupa penegasan, pengumuman, jawapan, dakwaan, pengelasan, pengesahan, penafian, persetujuan, pemakluman, ramalan, pelaporan, pernyataan, perbahasan, penarafan, dan sebagainya. Arahan boleh berupa nasihat, pertanyaan, pujukan, pemaafan, tunjukan, perintah, permintaan, kehendak, cadangan, usulan, gesaan, amaran, peleraian, helahan, dan sebagainya. Komisif boleh berupa persetujuan, jaminan, jemputan, tawaran, janji, sumpah, ikrar, kesukarelaan, dan sebagainya.

Penghargaan pula boleh berupa pemaafan, tahniah, takziah, ucap selamat, berterima kasih, penerimaan, dan sebagainya.

Dalam kajian ini, pengenalpastian dan penetapan kategori subjenis daya ujaran dilakukan dengan menumpukan pentafsiran kepada hasrat atau makna ujaran yang dilafazkan oleh pewacananya. Langkah ini berdasarkan pandangan Bach & Harnish (1979) bahawa lakuan ujaran diletakkan dalam kategori umum hajat lakuan. Selain itu, kata proses⁵ (kata kerja utama) turut membantu menunjukkan daya ujaran.

Berpedomanakan pandangan Bach & Harnish (1979) dan kata proses dalam ujaran, tiga daya ujaran utama yang ditemui dalam ucapan pertama Najib secara turutan menurun ialah konstatif, komisif, dan penghargaan dengan 13 subjenis atau pecahannya. Tiada daya ujaran arahan ditemui (sila lihat Jadual 3 dan Lampiran 2). Secara umum, daya ujaran konstatif ialah ekspresi (luahan) kepercayaan, hasrat, atau keinginan pengujar. Komisif ialah ekspresi obligasi pengujar untuk melakukan sesuatu. Penghargaan ialah ekspresi perasaan pengujar kepada pendengar (sasaran). Arahan ialah ekspresi sikap pengujar yang mengharapkan tindakan pada pihak sasaran ujarannya (Bach & Harnish, 1979).

Jadual 3 Jenis dan kekerapan daya ujaran teks Najib.

Bil	Daya Ujaran Teras	Pecahan Daya Ujaran	Kekerapan	Kehadiran
1	KONSTATIF	Pemakluman	10	B4.1; B4.2; B5.1; B5.2a; B5.2b; B5.2c; C6.1; C9.1; D12.2; D13.2
		Kesedaran	3	C7.1; D13.1; E14.1
		Pernyataan	4	A1.2; B4.3a; B4.3b; F16.1
		Pandangan	1	C8.1
		Pengumuman	1	D12.1
		Percaya	1	C10.2
		JUMLAH	20	
2	KOMISIF	Janji	3	C9.3; C10.1; E14.3
		Jaminan	2	C9.2; C9.2b
		Ajakan	2	F15.1; F16.2
		Ikrar	1	D11.1
		Komitmen	1	E14.2

MENGURUS WACANA DAN KEPIMPINAN

Sambungan Jadual 3

Bil	Daya Ujaran Teras	Pecahan Daya Ujaran	Kekerapan	Kehadiran
		JUMLAH	9	
3	PENGHARGAAN	Terima kasih	3	A1.1; A2.1; A2.2
		Penerimaan	1	A3.1
		JUMLAH	4	

Kehadiran tiga kategori daya ujaran utama itu, serta ketidakhadiran daya ujaran arahan, berpadanan dengan sifat genre ucapan sulung seorang Perdana Menteri. Sebagai wacana sulung kepada semua golongan rakyat, tentulah genre yang bersifat konstatif, komisif, dan penghargaan lebih sesuai dimanfaatkan berbanding dengan daya ujaran arahan. Sejajar dengan itu, konstatif dan subjenisnya merupakan daya ujaran yang paling menonjol dimanfaatkan, iaitu 20 kali. Pecahan daya ujaran konstatif yang dimanfaatkan ialah pemakluman, kesedaran, pernyataan, pandangan, pengumuman, dan percaya. Komisif muncul sebanyak sembilan kali dengan pecahan janji, jaminan, ajakan, ikrar, dan komitmen. Daya ujaran penghargaan dimanfaatkan sebanyak empat kali dengan dua pecahan, iaitu terima kasih dan penerimaan.

Daya ujaran konstatif dimanfaatkan oleh Najib kerana konstatif berkaitan dengan luahan kepercayaan, hasrat, dan keinginannya selaku pemimpin negara. Melalui daya ujaran konstatif, beliau berupaya meluahkan pemakluman, kesedaran, pernyataan, pandangan, pemberitahuan, dan kepercayaannya. Daya ujaran komisif pula yang menduduki tangga kedua dari segi penggunaannya adalah selaras dengan pengertian komisif itu sendiri, iaitu ekspresi obligasi pengujar untuk melakukan sesuatu. Dalam kes ini, pengujar ialah Najib dan beliau tentu ingin mengekspresikan obligasi yang ingin dilakukannya selaku Perdana Menteri. Ini termasuk janji, jaminan, ajakan, ikrar, dan komitmen. Yang berikut ialah contoh daya ujaran yang digunakan.

(1)

KONSTATIF - makluman

B4.1 Sesungguhnya seawal usia yang masih muda, dan sepanjang hidup dewasa, telah saya ABDIKAN berkhidmat untuk rakyat.

(2)

KONSTATIF – pandangan

C8.1 Pada asasnya, kepimpinan yang bakal diwujudkan wajar MEMBAWA pendekatan baru, bagi menempa sebuah zaman baru, demi menjelmakan sebuah kerajaan yang mengutamakan prestasi berpaksikan keutamaan rakyat.

(3)

KOMISIF - Janji

C9.3 Kita akan RAPATKAN hubungan Rakyat dan Kerajaan dari dikelirukan dan diperdaya oleh permainan muslihat politik.

(4)

KOMISIF - ikrar

C11.1 Maka dengan itu, pada hari yang bersejarah ini saya BERIKRAR untuk bekerja tanpa mengenal erti jemu atau penat lelah, berkhidmat dan membela untung nasib rakyat.

(5)

PENGHARGAAN - penerimaan

A3.1 Dengan penuh rasa tawaduk dan kerendahan hati, saya MENERIMA amanah tanggungjawab ini untuk berkhidmat kepada Rakyat dan Negara.

Dari segi taburan penggunaan, didapati dalam Bahagian A daya ujaran penghargaan, terima kasih, dan penerimaan dimanfaatkan. Dalam Bahagian B, daya ujaran makluman menonjol digembleng di samping pernyataan. Dalam Bahagian C, daya ujaran yang digunakan lebih pelbagai, iaitu terdapat daya ujaran kesedaran/peka, jaminan, makluman, janji, dan kepercayaan dimanfaatkan. Dalam Bahagian D, daya ujaran makluman, ikrar, peka, dan isytihar diluahkan. Dalam Bahagian E, daya ujaran kesedaran/peka, komitmen, dan janji digunakan. Dalam Bahagian F, daya ujaran ajakan dan pernyataan digembleng. Jadual 4 menunjukkan taburan daya ujaran Najib bagi setiap ayat (mengikut rujukan bahagian, perenggan, ayat dan klaus) dalam wacananya itu.

Jadual 4 Taburan daya ujaran Najib.

Ruj.	Daya Ujaran	Ruj.	Daya Ujaran
A1.1	PENGHARGAAN - terima kasih	B4.1	KONSTATIF - makluman
A1.2		B4.2	KONSTATIF - makluman
A2.1	KONSTATIF - pernyataan	B4.3a	KONSTATIF - pernyataan
A2.2	PENGHARGAAN - terima kasih	B4.3b	KONSTATIF - pernyataan
A3.1		B5.1	KONSTATIF - makluman
	PENGHARGAAN - terima kasih	B5.2a	KONSTATIF - makluman
		B5.2b	KONSTATIF - makluman
	PENGHARGAAN - penerimaan	B5.2c	KONSTATIF - makluman
C6.1	KONSTATIF - makluman	D11.1	KOMISIF - ikrar
C7.1	KONSTATIF - kesedaran	D12.1	KONSTATIF - pengumuman
C8.1	KONSTATIF - pandangan	D12.2	KONSTATIF - makluman
C9.1	KONSTATIF - makluman	D13.1	KONSTATIF - kesedaran
C9.2a	KOMISIF - jaminan	D13.2	KONSTATIF - makluman
C9.2b	KOMISIF - jaminan		
C9.3	KOMISIF - janji		
C10.1	KOMISIF - janji		
C10.2	KONSTATIF - percaya		
E14.1	KONSTATIF - kesedaran	F15.1	KOMISIF - ajakan
E14.2	KOMISIF - komitmen	F16.1	KONSTATIF - pernyataan
E14.3	KOMISIF - janji	F16.2	KOMISIF - ajakan

Taburan kehadiran daya ujaran ini adalah sesuai pada bahagian yang berkenaan. Misalnya, kepelbagaiannya jenis daya ujaran dalam Bahagian C berkait rapat dengan fungsi bahagian ini yang menempatkan matlamat kepimpinannya (perbincangan struktur generik di atas). Penggembungan dan pengurusan daya ujaran ini, serta pada bahagian tertentu dalam wacananya, telah berjaya menzahirkan nilai kepimpinan Najib selaku Perdana Menteri dalam melaksanakan fungsi kehidupan sosial masyarakatnya.

DIMENSI TEKSTUAL

Daripada analisis, dua ciri tekstual yang menonjol berkaitan dengan soal pengurusan wacana dan idea kepimpinan Najib dikenal pasti. Dua ciri teks tersebut ialah aspek leksikal dan nahan.

Pengleksikalan

Aspek leksikal yang membantu menjadikan wacana kepimpinan Najib itu berupaya memainkan fungsinya dalam proses kepimpinannya ialah keberadaan dan pemanfaatan tiga unsur leksikal yang berkesan, iaitu slogan, dua kata ganti diri, dan beberapa kata kunci.

Slogan 1Malaysia

Wacana sulung Najib itu mengandungi slogan “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” (lihat perenggan 15 Lampiran 1). Itulah slogan pertama ciptaan beliau selaku Perdana Menteri dan dalam wacana sulung itulah slogan itu diutarakan buat pertama kalinya kepada khalayak. Slogan dibina daripada dua bahagian. Pertama ialah frasa “1Malaysia” yang membayangkan keterangkuman semua rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan, agama, dan taraf sosioekonomi. Kedua, dua klausa “Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan” yang membayangkan komitmen dan nilai kepimpinan yang dibawanya, iaitu mementingkan rakyat dan mempertaruhkan pencapaian sesuatu hasrat. Yang menariknya ialah bahagian kedua slogan itu dibina daripada klausa yang mempunyai kata kerja (proses). Kata proses itu pula jenis “lakuan” (*action*), iaitu *didahulukan* dan *diutamakan*. Ini membayangkan bahawa idea kepimpinan yang dibawa oleh Najib berorientasikan “tindakan”. Selain itu, klausa tersebut adalah dalam bentuk ayat pasif, iaitu “sasaran” yang menjadi keutamaan, iaitu *rakyat* dan *pencapaian*, dan bukannya “pelaku” atau beliau.

Kini, slogan “1Malaysia” telah menjadi label kepimpinan Najib. Mencipta label kepimpinan merupakan satu keperluan bagi seorang pemimpin baharu bagi memastikan idea utama kepimpinan senang difahami dan diingati. Tony Blair mantan Perdana Menteri Britain yang terkenal pernah menegaskan, “*ideas need labels if they are to become popular and widely understood*” (Fairclough, 2000:4). Sebuah lagu yang menggunakan slogan itu turut dicipta dan diputarkan di saluran tv dan radio milik kerajaan.

Selain itu, slogan itu terutamanya rangkai kata “1Malaysia”, kini menjadi teras semangat, idea, dasar, dan proses kepimpinan beliau serta menjadi laungan, sebutan, rujukan, dan amalan dalam kehidupan rakyat, sama ada yang menyokong atau sebaliknya. Malah, “1Malaysia” kini telah menjadi logo dan dipakai sebagai lencana oleh pemimpin dan pegawai

kerajaan. Label “1Malaysia” Najib itu memanifestasikan pemikirannya tentang “keterangkuman” (*inclusiveness*) setiap lapisan dan golongan rakyat Malaysia. Keupayaan dan kekreatifan Najib (dan kumpulan pemikirnya) mencipta slogan dan label kepimpinan sedemikian sekali gus memperlihatkan keprihatinan dan keupayaannya dalam menguruskan wacana dan memenuhi tuntutan proses politik serta kepimpinan semasa.

Ganti Nama Diri Peribadian dan Inklusif

Dalam wacana sulungnya itu, Najib lebih banyak membicarakan “dirinya sendiri” dan “dirinya bersama rakyat”. Rujukannya terhadap rakyat sangat kurang dilakukan. Hal ini menunjukkan kaitannya rapat dengan jenis utama daya ujaran yang digembangkan, seperti dibincangkan di atas, iaitu konstatif, komisif, dan penghargaan. Untuk membicarakan dirinya sendiri dan dirinya bersama rakyat, dua kata ganti nama diri yang menonjol digunakan dalam wacana sulungnya itu ialah *saya* dan *kita* (lihat Jadual 5).

Jadual 5 Ganti nama diri.

Ganti Nama Diri	Kekerapan	Kehadiran
<i>saya</i>	17	A1.1; A2.1; A2.2; A3.1; B4.1; B4.3a; B5.1; C6.1; C7.1; C11.1; D12.1; D13.1; E14.1; E14.2; E14.3; F15.1; F16.1
<i>kita</i>	6	C9.3; C10.1; C10.2; D13.1; E14.2; F16.2

Pemanfaatan kata ganti nama diri *saya* menjadikan wacana sulungnya itu mempunyai sentuhan peribadi. Peribadi bermakna rapat. Untuk menunjukkan rapat dan sentuhan peribadinya, daripada 16 perenggan dan 29 ayat, kata ganti nama *saya* dimanfaatkan sebanyak 17 kali. Data menunjukkan *saya* digunakan oleh Najib pada setiap bahagian struktur generik wacananya itu, iaitu A PENGHARGAAN, B RETROSPEKSI, C MATLAMAT, D TINDAKAN, E ILTIZAM, dan F AJAKAN. Ini bermaksud, dalam setiap bahagian utama wacananya itu, beliau memperlihatkan akan kewujudan sentuhan peribadinya.

Saya dalam hal ini boleh berupa Najib sebagai pelaku (Plk) [misalnya data (6)] dan juga sebagai “penderia” (Pndr) (*senser*) [misalnya data (7)]. Sebagai “pelaku” bermakna beliau sendiri yang bangkit, bertindak, dan melakukan sesuatu proses, seperti “bertukar-tukar pendapat” dalam (6). Sebagai “penderia” pula bermakna beliau sendiri penderianya berasa, mengalami, prihatin, atau memikir tentang sesuatu proses, seperti

IDRIS AMAN

“menyedari bahawa kita perlu mengambil manfaat dari kejayaan kini...” dalam (7).

(6)

C6.1 Dalam waktu terdekat ini, *saya* [Plk] akan BERTUKAR-TUKAR [Lkn] pendapat dengan pelbagai lapisan pemimpin masyarakat dari seluruh negara dalam menentukan keutamaan kerajaan.

(7)

C7.1 Dalam hal ini, *saya* [Pndr] amat MENYEDARI [Mtl] bahawa kita perlu mengambil manfaat dari kejayaan kini dan beriktibar pula dengan pengajaran masa lalu.

Pemanfaatan kata ganti *kita* pula menunjukkan bahawa Najib berfikir atau bertindak secara inklusif (perangkuman) – dirinya, kerajaannya, serta khalayak (rakyat). Untuk inklusif, Najib menggunakan *kita* sebanyak enam kali. Penginklusifan atau perangkuman diserahkan apabila beliau mewacanakan matlamat (bahagian C), TINDAKAN (bahagian D), ILTIZAM (bahagian E), dan AJAKAN (bahagian F) dalam wacananya itu.

Dalam nahu bahasa Melayu, kata ganti nama *kita* asalnya merujuk penutur/penulis dan pihak lain yang sama hadir dalam sesuatu peristiwa bahasa. Untuk merujuk penutur/penulis sahaja secara jamak, kata ganti nama *kami* digunakan. Jadi, *kita* bersifat inklusif, manakala *kami* bersifat eksklusif. Mutakhir ini, ada kecenderungan pengguna bahasa Melayu meminggirkan *kami* tetapi memanfaatkan *kita* atas dasar untuk maksud inklusif, walaupun kadang-kadang konteksnya kurang sesuai.

(8)

C9.3 *Kita* akan RAPATKAN hubungan Rakyat dan Kerajaan dari dikelirukan dan diperdaya oleh permainan muslihat politik.

(9)

C10.1 Dalam hal ini, potensi golongan anak muda akan *kita* BANGUNKAN setinggi-tingginya.

(10)

C10.2 *Kita* PERCAYA merekalah generasi pewaris bakal pendidik, doktor, peguam, akauntan, saintis, jurutera, tokoh perniagaan, cerdik pandai dan saf pemimpin masa depan.

MENGURUS WACANA DAN KEPIMPINAN

Dalam (8), (9), dan (10), *kita* pada permukaannya digunakan untuk maksud kebersamaan Najib dan pasukan pimpinannya. Walau bagaimanapun pada dasarnya, jika ditafsir dan diamati, *kita* mungkin termasuk rakyat atau khalayak wacananya juga. Ini kerana teras kepimpinan yang dibawanya adalah mengutamakan rakyat. Oleh itu, *kita* tersebut digunakan untuk maksud inklusif, jika tidak, tentu *saya* digunakan.

Kata Kunci

Wacana sulung itu turut menguruskan kata/frasa kunci yang berkaitan dengan ideologi/gagasan kepimpinan “rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan”. Dengan kata lain, beliau mempertimbangkan kata/frasa kunci dalam pembikinan wacana sulungnya itu. Kata kunci tersebut ialah *berkhidmat untuk rakyat* (B4.1), *bertukar-tukar pendapat* (C6.1), *berpaksikan keutamaan rakyat* (C8.1), dan *rapatkan hubungan dengan rakyat* (C9.3) yang merujuk gagasan “rakyat didahulukan”, manakala *potensi golongan anak muda* (C10.1), *keberhasilan* (B5.1), dan *transformasi* (F15.1) ialah kata/frasa yang seerti dengan gagasan “pencapaian diutamakan”. Pemanfaatan kata/frasa kunci tersebut memperlihatkan kesedaran beliau akan adanya hubungan timbal balas antara pengurusan leksikal dengan gagasan kepimpinan beliau itu.

Jadual 6 Kata kunci Najib.

Gagasan Kepimpinan	Kata/Frasa Kunci
RAKYAT DIDAHULUKAN	<ul style="list-style-type: none">• berkhidmat untuk rakyat (B4.1)• bertukar-tukar pendapat (C6.1)• berpaksikan keutamaan rakyat (C8.1)• rapatkan hubungan dengan rakyat (C9.3)
PENCAPAIAN DIUTAMAKAN	<ul style="list-style-type: none">• keberhasilan (B5.1)• potensi golongan anak muda (C10.1)• transformasi (F15.1)

Aspek Nahuan Teks

Dari aspek nahuan, makalah ini membongkar dua aspek nahuan yang difikirkan berkaitan dengan pengurusan wacana dan kepimpinan yang

diutarakan oleh Najib. Dua aspek nahan itu ialah pemanfaatan jenis kata proses dan penggunaan jenis Tema⁶ bertanda.

Tema Bertanda

Berdasarkan metafungsi textual nahu fungsional, ayat/klausa dibina daripada unsur Tema(*Theme*) dan Rema(*Rheme*). Yang dikatakan Tema ialah unsur klausa atau ayat yang dipilih oleh pewacana untuk dikehendakkan. Tema dikatakan berfungsi sebagai titik tolak bagi ayat/klausa, manakala Rema berfungsi membawa mesejnya. Jika ayat mempunyai unsur adverba atau preposisi pada awalnya, unsur itu dinamakan Tema bertanda (*marked Theme*) (Halliday, 1994) yang memanfaatkan pandangan linguistik aliran Prague. Konsep ini juga kadang-kadang dinamakan penerang awal ayat (*adverbials*) dan penanda wacana (*discourse markers*). Jadual 7 menunjukkan contoh Tema bertanda bagi ayat A1.1 yang dibina daripada frasa penerang awal ayat “Bagi pihak seluruh Rakyat Malaysia, pertama sekali”. Walau bagaimanapun, jika frasa penerang awal itu tiada, maka Tema ayat itu adalah Tema biasa (*normal Theme*) yang terbina daripada frasa “saya” dalam klausa asas “saya merakamkan ... kepada negara”.

Jadual 7 Contoh Tema bertanda dalam ayat/klausa.

Ayat	
Frasa Penerang Awal Ayat	Klausa asas
A1.1. Bagi pihak seluruh Rakyat Malaysia, pertama sekali	Saya merakamkan rasa penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YABhg. Tun Abdullah Ahmad Badawi atas sumbangan khidmat cemerlang sepanjang 31 tahun kepada negara.
Tema Bertanda	Rema
Titik Tolak	Mesej

Asmah (1986) membahagikan subjenis unsur yang berkaitan dengan frasa penerang awal ayat ini kepada penerang tempat, arah, muasal, syarat, perbandingan, anafora, musabab, waktu, tujuan, tolak ansur, ulasan, dan pengandaian. Selari dengan itu, tetapi lebih mendalam lagi, Idris (2007) mendapati Tema bertanda bukan sahaja berfungsi sebagai titik tolak mesej malah sebagai “pencorak” titik tolaknya. Pencorakan titik tolak itu boleh dikaitkan antara lain dengan subjenis yang dikemukakan oleh Asmah (1986) dalam Jadual 7.

MENGURUS WACANA DAN KEPIMPINAN

Jadual 8 Tema bertanda dan pencorakan mesej.

Tema Bertanda dalam Ayat	Pencorakan Titik Tolak Mesej
A1.1. Bagi pihak seluruh Rakyat Malaysia, / pertama sekali ...	Kewakilan dan Keutamaan
A2.1. Secara peribadi ...	Perspektif
A3.1. Dengan penuh rasa tawaduk dan kerendahan hati ...	Cara
B4.1. Sesungguhnya seawal usia yang masih muda, dan sepanjang hidup dewasa ...	Tempoh
B4.3. Memang ...	Pengesahan
B5.1. Justeru itulah, sepanjang khidmat awam saya ...	Pensejajaran
C6.1. Dalam waktu terdekat ini ...	Masa
C7.1. Dalam hal ini ...	Tumpuan
C8.1. Pada asasnya ...	Perspektif
C10.1. Dalam hal ini ...	Tumpuan
D11.1. Maka dengan itu, / pada hari yang bersejarah ini ...	Turutan dan Masa
D13.1. Saya sedar sudah tepat masanya ...	Penerimaan
E14.1. Atas segalanya ...	Musabab
F15.1. Dengan ini ...	Musabab
F16.2. Dengan izin Allah juga...	Keredhaan
Jumlah = 15 (51%)	

Najib dalam membina, mengurus wacana serta proses kepimpinannya jugamemanfaatkan Tema bertanda. Beliau memanfaatkan 15 Tema bertanda. Dengan lain perkataan, daripada 29 ayat, 51 peratus atau separuh dibina melalui Tema bertanda. Nilai tersebut adalah relatif tinggi. Pemanfaatan Tema bertanda ini bermakna beliau telah menitikberatkan pencorakan titik tolak mesej atau idea kepimpinannya melalui ayat. Pencorakan titik tolak mesej yang ditekankan ialah kewakilan, pengutamaan, perspektif, cara, tempoh, pilihan, masa, musabab, dan tumpuan. Seajar dengan itu, dengan pencorakan titik tolak mesej berkenaan membuatkan ideanya terfokus pada corak yang dihasratkan dan secara strategik meningkatkan kesan positif kepada wacananya itu. Tema bertanda yang digembles mengikut ayat serta pencorakan mesej (idea) diperturunkan dalam Jadual 8. Contoh penggunaannya dapat dilihat pada frasa yang dicondongkan dalam (11) dan (12). Dalam (11) pencorakan “cara”, dan dalam (12) pencorakan “masa”.

(11)

A3.1 *Dengan penuh rasa tawaduk dan kerendahan hati, saya menerima amanah tanggungjawab ini untuk berkhidmat kepada Rakyat dan Negara.*

(12)

C6.1 *Dalam waktu terdekat ini, saya akan bertukar-tukar pendapat dengan pelbagai lapisan pemimpin masyarakat dari seluruh negara dalam menentukan keutamaan kerajaan.*

Jenis Proses

Secara mudah, berdasarkan metafungsi ideasional atau pengalaman (*experiential*) nahu fungsional, ayat/klausa mempunyai tiga unsur utama, iaitu “proses”, “pemeran” (*participants*), dan “suasana” (*circumstances*) (Halliday, 1994). Yang dikatakan unsur “proses” ialah kata kerja utama dalam klausa. Menurut Halliday (1994), “proses” merupakan suatu cara manusia bangkit dan mempersebahkan pola pengalaman dunianya melalui ayat. Pola pengalaman boleh diutarakan sama ada secara proses lakuan, mental, pertalian, keadaan, dan kewujudan. Jadual 9 ialah contoh unsur proses, iaitu “merakamkan” yang merupakan proses lakuan. Dengan kata lain, unsur “proses” dalam ayat ialah unsur yang penting kerana boleh menggambarkan cara manusia bangkit mempersebahkan pengalaman dunianya, sama ada dengan lakuan (Lkn), mental (Mtl), keadaan (Kdn), pertalian (Ptln), kewujudan (Kwjd), atau verbal (Vrb).

Jadual 9 Contoh unsur proses, pemeran, dan suasana dalam ayat.

Suasana	Pemeran ₁	Proses	Pemeran ₂	Pemeran ₃	Suasana
A1.1 Bagi pihak seluruh Rakyat Malaysia, pertama sekali	saya	MERAKAMKAN	rasa penghargaan dan ucapan terima kasih	kepada YABhg. Tun Abdullah Ahmad Badawi	atas sumbangan khidmat cemerlang sepanjang 31 tahun kepada negara.
Penerang	Pelaku	Lakuan	Sasaran	Pemanfaat	Penerang

Jadual 10 memperlihatkan kesemua kata proses (berhuruf besar) secara berturutan yang digunakan oleh Najib dalam ayat/klausa mengikut subbahagian (struktur generik) yang memperlihatkan keupayaan mengurus, memperkatakan dan mempersebahkan wacana serta

MENGURUS WACANA DAN KEPIMPINAN

idea kepimpinannya. Dari sudut nahu, wacana Najib memanfaatkan siri kata proses yang fungsional yang berupaya membangkitkan atau mempersempitkan idea kepimpinannya dalam ayat-ayat yang digunakan. Unsur proses dalam ayat/klausa Najib merupakan kombinasi jenis proses lakuhan (cth. *meningkatkan, mengambil, memperkasakan, dimulakan*), mental (cth. *tersentuh, percaya, menyedari*), dan keadaan (cth. *tersentuh, tercicir*). Tiada kehadiran proses pertalian, kewujudan, dan verbal. Dari segi transitiviti, proses berkenaan disampaikan sama ada secara aktif atau pasif. Dengan kata proses tersebut dapat diketahui ideologi kepimpinan Najib.⁷

Lakuan [Lkn] ialah proses melakukan sesuatu, sama ada yang berkaitan dengan gerak fizikal atau secara metafora. Dalam proses lakuhan, ada pemeran terlibat, sama ada sebagai pelaku (ketara atau tidak ketara), sasaran, atau pelengkap. Proses keadaan [Kdn] pula adalah tentang keadaan yang ada serta yang lazimnya tidak melibatkan aktiviti fizikal kepada pemeran sasaran. Pemeran bagi keadaan bukannya pelaku, tetapi “pengalaman”. Manakala proses mental [Mtl] ialah proses menderia sesuatu, seperti berasa, memikir atau menanggapi, yang berkaitan dengan pengalaman mental. Proses mental juga melibatkan pemeran pertama dan kedua, tetapi pemeran pertama bukannya pelaku, sebaliknya sebagai penderia, manakala pemeran kedua adalah sebagai fenomena.

Jadual 10 Taburan penggunaan proses dalam klausa ikut bahagian.

Bahagian	Klausa	Lkn	Mtl	Kdn
A PENGHARGAAN	A1.1 ... MERAKAMKAN... (Lkn) A1.2 ...juga KOMITMEN... (Mtl) A2.1 ...BERTERIMA KASIH... (Mtl) A2.2 ... MERAKAMKAN... (Lkn) A3.1 ...MENERIMA ... (Mtl)	/	/	
	Jumlah	2	3	-
B RETROSPEKSI	B4.1 ...ABDIKAN... (Mtl) B4.2 ...LAHIR... (Kdn) B4.3a ...TERSENTUH... (Mtl) B4.3b ...TERPANGGIL... (Mtl) B5.1 ... DITEKANKAN... (Lkn) B5.2a ...MELALUI...(Lkn) B5.2b ...MINGKATKAN... (Lkn) B5.2c ...MEMPERKASAKAN... (Lkn)		/	/
	Jumlah	4	3	1

Sambungan Jadual 10

Bahagian	Klausa	Lkn	Mtl	Kdn
C MATLAMAT	C6.1 ...BERTUKAR-TUKAR... (Lkn)	/		
	C7.1 ...MENYEDARI... (Mtl)		/	
	C8.1 ...MEMBAWA... (Lkn)	/		
	C9.1 ...MERENTASI... (Kdn)			/
	C9.2a ...TERCICIR... (Kdn)			/
	C9.2b ...TERPINGGIR... (Kdn)			/
	C9.3 ...RAPATKAN... (Lkn)	/		
	C10.1 ...BANGUNKAN... (Lkn)	/		
	C10.2 ...PERCAYA... (Mtl)		/	
	Jumlah	4	2	3
D TINDAKAN	D11.1 ...BERIKRAR... (Mtl)		/	
	D12.1 ...MENGUMUMKAN... (Lkn)	/		
	D12.2 ...DIMULAKAN... (Lkn)	/		
	D13.1 ...MENGAMBIL... (Lkn)	/		
	D13.2 ...MEMBERIKAN... (Lkn)	/		
	Jumlah	4	1	-
E ILTIZAM	E14.1 ...MENYEDARI... (Mtl)		/	
	E14.2 ...MEMASTIKAN... (Lkn)	/		
	E14.3 ...BERPEGANG... (Mtl)		/	
	Jumlah	1	2	-
F AJAKAN	F15.1 ...MENGAJAK... (Lkn)	/		
	F16.1 ...PANJATKAN... (Mtl)		/	
	F16.2 ...MEMULAKAN... (Lkn)	/		
	Jumlah	2	1	-
Jumlah	33	17	12	4
	%	52	36	12

Secara keseluruhan, nampaknya Najib mengutamakan proses lakuan dalam klausa wacananya. Ini kerana daripada tiga jenis proses yang dimanfaatkan, iaitu lakuan, mental, dan keadaan, proses lakuan paling banyak digembbleng. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9, proses lakuan dimanfaatkan sebanyak 17 kali atau 52 peratus. Selain itu, proses lakuan juga hadir atau digunakan pada setiap bahagian dengan kekerapan terbanyak di bahagian retrospeksi, matlamat, dan tindakan dengan masing-masing empat kali. Proses lakuan menonjol dimanfaatkan dalam penghasilan wacananya kerana selaras dan sesuai dengan sifat wacana beliau itu yang mementingkan “matlamat dan pencapaian”. Bagi mencapai matlamat, tindakan diperlukan. Tindakan itu diserahkan daripada kata

MENGURUS WACANA DAN KEPIMPINAN

proses lakuan yang digunakannya, seperti A1.1 *merakamkan*, B5.1 *ditekankan*, C6.1 *bertukar-tukar*, D12.2 *dimulakan*, E14.2 *memastikan*, dan F15.1 *mengajak*. Yang berikut dipaparkan contoh penggunaan kata proses lakuan.

(13)

C6.1 Dalam waktu terdekat ini, saya akan BERTUKAR-TUKAR [Lkn] pendapat dengan pelbagai lapisan pemimpin masyarakat dari seluruh negara dalam menentukan keutamaan kerajaan.

(14)

D12.2 Proses kajian semula terhadap Akta ISA akan juga DIMULAKAN [Lkn].

(15)

F16.2 Dengan izin Allah jua, marilah kita MEMULAKAN [Lkn] langkah perjalanan hebat ini - bersama sama.

Kata proses mental digunakan sebanyak 12 kali atau 36 peratus. Proses mental dimanfaatkan apabila beliau menderia, seperti berterima kasih, komited, mengabadikan, menyedari, dan berikrar. Kata proses mental didapati lebih kerap muncul di bahagian A (PENGHARGAAN) dan B (RETROSPEKSI) wacana. Contoh penggunaannya diturunkan dalam (16) dan (17).

(16)

A2.1 Secara peribadi, saya amat BERTERIMA KASIH [Mtl] atas keyakinan YABhg. Tun Abdullah menamakan saya sebagai penggantinya.

(17)

B4.1 Sesungguhnya seawal usia yang masih muda, dan sepanjang hidup dewasa, telah saya ABDIKAN [Mtl] berkhidmat untuk rakyat.

Proses keadaan pula dimanfaatkan sebanyak empat kali atau 12 peratus daripada semua jenis proses. Proses keadaan dimanfaatkan apabila beliau menerangkan keadaan sesuatu, seperti lahir, tercicir, dan terpinggir. Proses keadaan didapati banyak hadir di bahagian C (Matlamat) wacana. Contoh penggunaan proses keadaan ditunjukkan dalam (18) dan (19).

(18)

B4.2 Semua ini LAHIR [Kdn] hasil dari inspirasi dan dorongan serta suri teladan Allahyarham Ayahanda saya.

(19)

C9.2 Tidak ada sesiapa yang patut merasakan diri mereka TERCICIR [Kdn] atau TERPINGGIR [Kdn] daripada wacana nasional.

KESIMPULAN

Pemimpin mungkin dilahirkan, tetapi pada masa yang sama, pemimpin juga boleh dan perlu dilatih serta disediakan untuk menjadi pemimpin yang lebih berkualiti. Analisis wacana ini membuktikan bahawa latihan, pengalaman panjang, dan penyediaan sebagai pemimpin setakat ini telah menjadikan Najib pemimpin yang bersedia dan memahami erti memimpin rakyat dan negara. Pengurusan wacana sulung beliau selaku Perdana Menteri itu membuktikan kesediaannya. Wacananya diuruskan dengan cara yang agak efektif serta mudah difahami melalui penggembangan dimensi kewacanaan dan textual secara serentak merupakan sebahagian manifestasi keupayaannya dalam proses kepimpinan.

Jika disemak secara silang pada matlamat, tindakan, dan iltizam kepimpinannya (lihat Jadual 2) serta dinilai dari luar konteks wacana itu, iaitu dengan melihat proses kepimpinan yang sedang dilaksanakannya, ternyata sebahagian yang diwacanakan sedang atau telah dikotakan. Misalnya, bagi gagasan “rakyat didahulukan”, beliau turun ke bawah (masyarakat) dengan aktiviti, seperti membuka akaun *facebook*, membentuk rangkaian rakan, serta berjumpa dengan mereka; program PM bersama rakyat; dan meninjau ke sesuatu tempat kejadian; dan peka dengan masalah rakyat. Bagi gagasan “pencapaian diutamakan” pula beberapa program transformasi dilakukan, seperti pelancaran Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Pelan Transformasi Ekonomi (ETP).

NOTA

¹ Kata “menakhoda” ini diilhamkan daripada judul buku Najib sendiri *Menakhoda Zaman* (2009). Nakhoda ialah istilah lama untuk kapten kapal laut. Secara analogi, “menakhoda” dapat diertikan sebagai memimpin, mengepalai, mengetuai, menyusun sesuatu organisasi atau institusi.

² Pemikiran dalam makalah ini dikembangkan daripada projek penyelidikan UKM-SK-05-FRGS0073-2010.

MENGURUS WACANA DAN KEPIMPINAN

- ³ Lihat Manifesto Pilihan Raya Umum 2008 parti pembangkang DAP.
- ⁴ Mereka menamakan perkara ini sebagai Taksonomi Lakuan Ilokusionari Komunikasi.
- ⁵ Penerangan tentang kategori kata “proses” diberikan di bahagian berkenaan di bawah.
- ⁶ Dari segi konvensyen, “Tema” dalam konsep ini dieja dengan “T” huruf besar bagi membezakannya dengan konsep “tema” yang lazim.
- ⁷ Analisis unsur nahanan proses dapat dilihat pada Lampiran 2.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 1986. *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi Baru. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bach, K. & Harnish, R.M., 1979. *Linguistic Communication and Speech Acts*. Cambridge, MA: The MIT Press.
- Biography – Office of The Prime Minister of Malaysia – Dato’ Sri Mohd Najib Abd. Razak Official Portal. Capaian 4 April, 2001, drp. www.pmo.gov.my/?menu=page&page=1926.
- Casimir, G., 2011. “Be an Effective Leader”. *Star Metro*. 26 March. P. 1.
- Crystal, D., 2003. *The Cambridge Encyclopaedia of Language*. Edisi Kedua. Cambridge: Cambridge University Press.
- Fairclough, N., 1992. *Discourse and Social Change*. Cambridge: Polity Press.
- Fairclough, N., 1995. *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language*. London: Longman.
- Fairclough, N., 2000. *New Labour, New Language?* London and New York: Routledge.
- Fairclough, N., 2003. *Analysing Discourse: Textual Analysis for Social Research*. London & New York: Routledge.
- Fairclough, N. & Wodak, R., 1997. “Critical Discourse Analysis” dlm. van Dijk, T.A., *Discourse as Social Interaction*, hlm. 258-284. London: Sage Publications Ltd.
- Halliday, M.A.K., 1994. *An Introduction to Functional Grammar*. Second Edition. London: Arnold.
- Hoey, M., 1983. *On the Surface of Discourse*. London: George, Allen and Unwin.
- Hoey, M., 1994. Signalling in Discourse: A Functional Analysis of a Common Discourse Pattern in Written and Spoken English. dlm. Malcolm Coulthard (ed.), *Advances in Written Text Analysis*. London: Routledge.
- Hoey, M., 2001. *Textual Interaction*. London: Routledge.
- Idris Aman, “Tema Bertanda Ayat Wacana: Analisis Nahu Fungsional” dlm. *Jurnal Bahasa* 7(2) Disember hlm. 41-64, 2007.
- Idris Aman, “Discourse and Striving for Power: An Analysis of Barisan Nasional’s 2004 Malaysian General Election Manifesto” dlm. *Discourse & Society* Vol. 20(6) November: 659-84, 2009.

IDRIS AMAN

- Idris Aman, 2010. "Menakhoda Kepimpinan: Analisis Wacana Sulung Perdana Menteri Malaysia Ke-6 Najib Razak". Prosiding Konferensi Linguistik Tahunan Atma Jaya 8 (KOLITA 8), hlm. 331-35. Unika Atma Jaya. Jakarta, 24 April 2010.
- Johnstone, B., 2002. *Discourse Analysis*. Malden, MA: Blackwell Publishing.
- Lerman, C.L., 1985. "Media Analysis of a Presidential Speech: Impersonal Identity Forms in Discourse" dlm. van Dijk, T.A., *Discourse and Communication: New Approaches to the Analyses of Mass Media Discourse and Communication*, hlm. 185-215. Berlin-New York: Walter de Gruyter.
- Najib Razak, 2009. *Menakhoda Zaman*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara dan MPH Publishing.
- Sarangi, S. & Coulthard, M., 2000. "Discourse as Topic, Resource and Social Practice: An Introduction" dlm. Srikan Sarangi dan Malcolm Coulthard (ed.), *Discourse and Social Life*, hlm. xv-xli. Harlow, England: Pearson Education.
- Sarangi, S. and Coulthard, M., 2000. "Discourse as Topic, Resource and Social Practice: An Introduction" dlm. Srikan Sarangi and Malcolm Coulthard (ed.), *Discourse and Social Life*, hlm. xv-xli. Essex: Pearson Education.
- Searle, J., 1981. *Speech Acts*. Edisi ke-2. London: Cambridge University Press.
- Thompson, G., 2004. *Introducing Functional Grammar*. Edisi Kedua. London: Arnold.
- Thompson, J.B., 1991. "Editor's Introduction" dlm. Pierre Bourdieu (ed.) *Language & Symbolic Power*, hlm. 1-31. Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press. .
- Van Dijk, T.A., 1991. *Racism and the Press*. London: Routledge.
- www.speechtips.com/structure-of-a-speech.html.

MENGURUS WACANA DAN KEPIMPINAN

LAMPIRAN 1

Struktur Generik dan Teks Ucapan Sulung PM Najib Razak selepas Mengangkat Sumpah Jawatan Perdana Menteri Malaysia Keenam, 3 April 2009

Struktur Generik	Teks dan Perenggan
PENGHARGAAN <i>(Acknowledgement)</i>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bagi pihak seluruh Rakyat Malaysia, pertama sekali saya merakamkan rasa penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YABhg. Tun Abdullah Ahmad Badawi atas sumbangan khidmat cemerlang sepanjang 31 tahun kepada negara. Begitulah juga komitmen YABhg. Tun dalam pengukuhan demokrasi dan institusi penting dalam negara, serta teladan kepemimpinan yang cukup berhikmah. Secara peribadi, saya amat berterima kasih atas keyakinan YABhg. Tun Abdullah menamakan saya sebagai penggantinya. 2. Saya juga merakamkan ucapan junjungan kasih setinggi-tingginya atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong melantik saya sebagai Perdana Menteri dalam istiadat mengangkat sumpah jawatan pagi tadi. 3. Dengan penuh rasa tawaduk dan kerendahan hati, saya menerima amanah tanggungjawab ini untuk berkhidmat kepada Rakyat dan Negara.
B RETROSPEKSI <i>(Retrospection)</i>	<ol style="list-style-type: none"> 4. Sesungguhnya seawal usia yang masih muda, dan sepanjang hidup dewasa, telah saya abdiakan berkhidmat untuk rakyat. Semua ini lahir hasil dari inspirasi dan dorongan serta suri teladan Allahyarham Ayahanda saya. Memang saya tersentuh dan terpanggil untuk meneruskan agenda besar kerajaan untuk membasmikan kemiskinan, menstrukturkan semula masyarakat Malaysia, meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti untuk semua, serta menuipkan semangat sebuah generasi baru untuk menumpah khidmat kepada Malaysia. 5. Justeru itulah, sepanjang khidmat awam saya, pentingnya aspek keberhasilan sentiasa ditekankan. Sama ada melalui kemudahan yang lebih selesa bagi para pendidik, meningkatkan kualiti hidup para perwira tanah air, maupun dalam memperkasakan ekonomi bagi memelihara kesejahteraan rakyat di saat kita menghadapi cabaran ekonomi global.
C MATLAMAT <i>(Goal)</i>	<ol style="list-style-type: none"> 6. Dalam waktu terdekat ini, saya akan bertukar-tukar pendapat dengan pelbagai lapisan pemimpin masyarakat dari seluruh negara dalam menentukan keutamaan kerajaan. 7. Dalam hal ini, saya amat menyedari bahawa kita perlu mengambil manfaat dari kejayaan kini dan beriktibar pula dengan pengajaran masa lalu. 8. Pada asasnya, kepimpinan yang bakal diwujudkan wajar membawa pendekatan baru, bagi menempa sebuah zaman baru, demi menjelaskan sebuah kerajaan yang mengutamakan prestasi berpaksikan keutamaan rakyat.

IDRIS AMAN

Sambungan Jadual Lampiran 1

Struktur Generik	Teks dan Perenggan
C MATLAMAT (Goal)	<p>9. Rakyat diutamakan akan merentasi seluruh lapisan masyarakat dan kumpulan etnik di setiap pelosok tanah air. Tidak ada sesiapa yang patut merasakan diri mereka tercincir atau terpinggir daripada wacana nasional. Kita akan rapatkan hubungan Rakyat dan Kerajaan dari dikelirukan dan diperdaya oleh permainan muslihat politik.</p> <p>10. Dalam hal ini, potensi golongan anak muda akan kita bangunkan setinggi-tingginya. Kita percaya mereka lah generasi pewaris bakal pendidik, doktor, peguam, akauntan, saintis, jurutera, tokoh perniagaan, cerdik pandai dan saf pemimpin masa depan.</p> <p>11. Maka dengan itu, pada hari yang bersejarah ini saya berikrar untuk bekerja tanpa mengenal erti jemu atau penat lelah, berkhidmat dan membela untung nasib rakyat.</p>
D TINDAKAN (Action)	<p>12. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengumumkan bahawa pihak kerajaan akan menarik balik larangan penerbitan sementara bagi DUA surat kabar serta membebaskan TIGA BELAS tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) berkuat kuasa serta-merta. Proses kajian semula terhadap Akta ISA akan juga dimulakan.</p> <p>13. Saya sedar sudah tepat masanya kita mengambil langkah-langkah demikian untuk mengukuhkan lagi keyakinan rakyat terhadap pihak yang berwajib atas soal keselamatan negara serta mengembalikan keutamaan kita untuk menangani ancaman-ancaman yang dianggap merbahaya dan munasabah. Kementerian Dalam Negeri akan memberikan butir-butir selanjutnya selepas ini.</p>
E ILTIZAM (Commitment)	<p>14. Atas segalanya, saya menyedari bahawa sekarang adalah masa yang cukup mencabar bagi setiap warga. Saya komited memastikan kepimpinan terus berdiri teguh bagi menghadapi krisis ekonomi yang kini melanda seluruh dunia termasuk di negara kita. Saya akan tetap berpegang kepada iltizam untuk memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.</p>
F AJAKAN (Request)	<p>15. Dengan ini saya mengajak seluruh warga untuk sama-sama melaksanakan satu transformasi besar buat Negara dengan semangat: Satu Malaysia. Rakyat Didahulukan. Pencapaian Diutamakan.</p> <p>16. Saya panjatkan doa ke hadrat Ilahi supaya terus dikurniakan kekuatan, kemudahan serta hikmah dalam menjalankan amanah besar ini. Dengan izin Allah jua, marilah kita memulakan langkah perjalanan hebat ini - bersama sama.</p>

MENGURUS WACANA DAN KEPIMPINAN

LAMPIRAN 2

CERAKINAN NAHU WACANA SULUNG PM NAJIB RAZAK

KUNCI / KEYS:

BHG = Bahagian

KLS = Klausma

PNRG = Penerang

PRGN = Perenggan

PMRN = Pemeran

DU = Daya Ujaran

1	2	3	4	5	6	7	8	9
Bhg / Prgn / Ayt / Kls	Pnrg <i>Circum- stance</i>	Pmrn ₁ <i>Parti-cipant₁</i>	Mdl	Proses <i>Process</i>	Pmrn ₂ <i>Participant₂</i>	Pmrn ₃ <i>Com-pliment</i>	Pnrg <i>Circum-stance</i>	DU <i>Force of utterance</i>
A1.1	Bagi pihak seluruh Rakyat Malaysia, pertama sekali	saya		MERAHAM-KAN	rasa penghargaan dan ucapan terima kasih	kepada YABhg. Tun Abdullah Ahmad Badawi	atas sumbangan khidmat cemerlang sepanjang 31 tahun kepada negara.	PENG-HARGAAN Berterima kasih
				Lakuan		Pemanfaat		
Eng. Vers.	<i>On behalf of all Malaysians, I would like to thank YABhg. Tun Abdullah Ahmad Badawi for his 31 years of exemplary public service to our country.</i>							
A1.2		Beginilah	juga	KOMITMEN	YABhg. Tun	dalam pengukuhkan demokrasi dan institusi penting dalam negara, serta teladan kepemimpinan yang cukup berhikmah.		KON-STATIF pernyataan
				Mental		Plgkp		
	<i>his commitment to strengthening the institutions and fabric of our democracy and for his graceful example as our leader.</i>							
A2.1	Secara peribadi,	saya	amat	BERTERIMA KASIH		atas keyakinan YABhg. Tun Abdullah menamakan saya sebagai pengganti-nya.		PENG-HARGAAN berterima kasih
				Mental				
	<i>I am grateful to YABhg. Tun for his confidence in proposing my name as Prime Minister to Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong,</i>							
A2.2		Saya	juga	MERAHAM-KAN	ucapan junjungan kasih setinggi-tingginya	atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong melantik saya sebagai Perdana Menteri	dalam istiadat mengangkat sumpah jawatan pagi tadi.	PENG-HARGAAN berterima kasih
				Lakuan				
	<i>and I am honoured that His Majesty has consented to my appointment with this morning's swearing-in ceremony.</i>							

IDRIS AMAN

Sambungan Lampiran 2

A3.1	Dengan penuh rasa tawaduk dan kerendahan hati,	saya		MENERIMA	amanah tanggung-jawab ini	untuk berkhidmat kepada Rakyat dan Negara.		PENG-HARGAAN peneri-maan
				Mental				
	<i>I feel a deep sense of humility at the opportunity to serve as your Prime Minister at an important time in our nation's history.</i>							
B4.1	Sesungguhnya sewal usia yang masih muda, dan sepanjang hidup dewasa, telah	saya		ABDIKAN	berkhidmat untuk rakyat.			KONSTATIF makluman
				Mental				
	<i>My life has been dedicated to public service.</i>							
B4.2		Semua ini		LAHIR	basil dari inspirasi dan dorongan serta suri teladan Allahyarham Ayahanda saya.			KONSTATIF makluman
				Keadaan				
	<i>Growing up, I was inspired by the positive impact of public service in the example of my late father.</i>							
B4.3a	Memang	saya		TER-SENTUH				KONSTATIF Pernyataan
				Mental				
B4.3b	dan			TER-PANGGIL		untuk meneruskan agenda besar kerajaan untuk membasmikan kemiskinan, menstrukturkan semula masyarakat Malaysia, meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti untuk semua, serta menüpukan semangat sebuah generasi baru untuk menumpah khidmat kepada Malaysia.		KONSTATIF Pernyataan
				Mental				
	<i>Four decades on, I remain committed to the goals of tackling poverty; of restructuring our society; of expanding access to quality education for all; and of inspiring a new generation of young Malaysians to work on behalf of this great country.</i>							

MENGURUS WACANA DAN KEPIMPINAN

Sambungan Jadual Lampiran 2

B5.1	Justeru itulah, sepanjang khidmat awam saya,	pentingnya aspek keberhasilan	sen-tiasa	DITEKAN-KAN.				KONSTATIF makluman
				Lakuan				
B5.2a	Sama ada			MELALUI	kemudahan yang lebih selesa	bagi para pendidik,		KONSTATIF makluman
				Lakuan				
B5.2b				MENING-KATKAN	kualiti hidup	para perwira tanah air,		KONSTATIF makluman
				Lakuan				
B5.2c	mahupun			dalam MEMPER-KASAKAN	ekonomi	bagi memelihara kesejahteraan rakyat	di saat kita menghadapi cabaran ekonomi global.	KONSTATIF makluman
				Lakuan				
	<i>My own service in government has always been about getting results: to ensure a better deal for teachers, to improve conditions for our brave soldiers, and to strengthen our economy in defence of the people of Malaysia, as we deal with the outbreak of a global recession.</i>							
C6.1	Dalam waktu terdekat ini,	saya	akan	BERTUKAR-TUKAR	pendapat	dengan pelbagai lapisan pemimpin masyarakat	dari seluruh negara dalam menentukan keutamaan kerajaan.	KONSTATIF makluman
				Lakuan				
	<i>In the coming weeks, I will be consulting with people around our country, as I begin to reshape the leadership and priorities of the Government.</i>							
C7.1	Dalam hal ini,	saya	amat	MENYEDARI	bahawa kita perl mengambil manfaat dari kejayaan kini dan iktitibar pula dengan pengajaran masa lalu.			KONSTATIF kesedaran
				Mental				
	<i>I am mindful that we should build on the successes and lessons of the past.</i>							
C8.1	Pada asasnya, kepimpinan yang bakal diwujud-kan	wajar	MEMBAWA	pendekatan baru,		bagi menempa sebuah zaman baru, demi menjel-makana sebuah kerajaan yang mengutamakan prestasi berpaksikan keutamaan rakyat.		KONSTATIF pandangan
				Lakuan				
	<i>It must be a government with new approaches for new times – a government that places a priority on performance and result, because the people must come first.</i>							

IDRIS AMAN

Sambungan Jadual Lampiran 2

C9.1		Rakyat diutamakan	akan	MERENTASI	seluruh lapisan masyarakat dan kumpulan etnik		di setiap pelosok tanah air.	KONSTATIF makluman
				Keadaan				
	<i>We must reach out to all parts of Malaysia...to all our diverse communities.</i>							
C9.2a		Tidak ada sesiapa yang patut merasakan diri mereka		TERCICIR				KOMISIF jaminan
				Keadaan				
C9.2b	atau			TERPING-GIR		daripada wacana nasional.		KOMISIF jaminan
				Keadaan				
	<i>In our national discourse and in pursuing our national agenda, we must never leave anyone behind.</i>							
C9.3		Kita	akan	RAPATKAN	hubungan Rakyat dan Kerajaan		dari dikelirukan dan diperdaya oleh permainan muslihat politik.	KOMISIF janji
				Lakuan				
	<i>We must reach out to the many who may have been disaffected and left confused by political games, deceit and showmanship.</i>							
C10.1	Dalam hal ini,	potensi golongan anak muda	akan	kita BANGUN-KAN			setinggi-tingginya.	KOMISIF janji
				Lakuan				
	<i>We must draw on talented people across our nation, regardless of their position or background, to re-energize a passion for public service. We must sow the seeds of goodwill and understanding in every corner of this land, so that we continue to harvest the fruits of progress and prosperity for all Malaysians.</i>							
C10.2		Kita		PERCAYA	merekalah generasi pewaris bakal pendidik, doktor, peguam, akauntan, saintis, jurutera, tokoh perniagaan, cerdik pandai dan saf pemimpin masa depan.			KONSTATIF kepercayaan
				Mental				
	<i>We must seek to include and unlock the potential of our young people who will be the next generation of leaders, businesspeople, engineers, scientists, teachers and doctors. We must give them wings to fly.</i>							

MENGURUS WACANA DAN KEPIMPINAN

Sambungan Jadual Lampiran 2

C11.1	Maka dengan itu, pada hari yang bersejarah ini	saya		BERIKRAR	untuk bekerja tanpa mengenal erti jemu atau penat lelah, berkhidmat dan membela untung nasib rakyat.			KOMISIF ikrar
				Mental				
<i>And so today, I pledge that I will work tirelessly to serve all of you.</i>								
D12.1		Saya juga ingin mengambil kesempatan ini	MENGUMUMKAN	bahawa pihak kerajaan akan menarik balik larangan penerbitan sementara bagi DUA surat khabar serta membebaskan TIGA BELAS tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)			berkuat kuasa serta-merta.	KONSTATIF pengumuman
			Lakuan					
<i>In this spirit, I would like to announce that the government has decided with immediate effect, to remove the temporary ban on TWO news publications, release THIRTEEN detainees from ISA detention,</i>								
D12.2		Proses kajian semula terhadap Akta ISA	akan juga	DIMULAKAN.				KONSTATIF makluman
			Lakuan					
<i>and conduct a comprehensive review of the Internal Security Act.</i>								
D13.1	Saya sedar sudah tepat masanya	kita	MENGAMBIL	langkah-langkah demikian	untuk mengukuhkan lagi keyakinan rakyat terhadap pihak yang berwajib atas soal keselamatan negara serta mengembalikan keutamaan kita untuk menangani ancaman-ancaman yang dianggap merbahaya dan munasabah.			KONSTATIF kesedaran
			Lakuan					
	<i>These decisions are timely as we move to enhance the confidence of our citizens in those entrusted with maintaining peace, law and order, while recognizing the need to remain vigilant of the very real security threats we continue to face as a young nation.</i>							
D13.2	Kementerian Dalam Negeri	akan	MEMBERIKAN	butir-butir selanjutnya		selepas ini.		KONSTATIF makluman
			Lakuan					

IDRIS AMAN

Sambungan Jadual Lampiran 2

	<i>Additional details will be announced by the Ministry of Home Affairs shortly.</i>							
E14.1	Atas segalanya,	saya		MENYEDARI	bahawa sekarang adalah masa yang cukup mencabar	bagi setiap warga.		KONSTATIF kesedaran
				Mental				
<i>I know that for every citizen, these are hard times</i>								
E14.2		Saya	komited	MEMASTIKAN	kepimpinan terus berdiri teguh bagi menghadapi krisis ekonomi yang kini melanda seluruh dunia termasuk di negara kita.			KOMISIF komitmen
				Lakuan				
	<i>and I remain focused in providing strong leadership to lead us out of this economic crisis and unleash our full potential as a nation.</i>							
E14.3		Saya	akan tetap	BER-PEGANG	kepada iltizam untuk memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi	setiap warga Malaysia.		KOMISIF janji
				Mental				
	<i>I will be steadfast in my commitment to meet the needs, aspirations and concerns of all Malaysians.</i>							
F15.1	Dengan ini	saya		MENGAJAK	seluruh warga	untuk sama-sama melaksanakan satu transformasi besar buat Negara dengan semangat: Satu Malaysia. Rakyat Didahulu-kan. Pencapaian Diutama-kan.		KOMISIF ajakan
				Lakuan				
	<i>So today I ask you to join me in this task of renewing Malaysia. I urge us to rise to the challenge of building a One Malaysia. People First. Performance</i>							
F16.1		Saya		PANJATKAN	doa	ke hadrat Ilahi	supaya terus dikurniakan kekuatan, kemudahan serta hikmah dalam menjalankan amanah besar ini.	KONSTATIF pernyataan
				Mental				
	Nil							
F16.2	Dengan izin Allah jua, marilah	kita		MEMULAKAN	langkah perjalanan hebat ini -		bersama-sama.	KOMISIF ajakan
				Lakuan				
	<i>Now, let us begin this great journey together.</i>							